

Manfaat zon ekonomi khas Johor-Singapura

JOHOR BAHRU - Cadangan penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dijangka dapat meningkatkan permintaan terhadap ruang pejabat terutamanya di bandar raya Johor Bahru, pada tahun-tahun akan datang.

Pengarah IGB Property Management Sdn Bhd, Wong Khim Chon berkata, permintaan terhadap ruang pejabat semakin meningkat sejak pembukaan semula sempadan Malaysia dan fasa peralihan kepada andemik pada April tahun lepas, disokong oleh pertumbuhan dan kestabilan ekonomi.

“Cadangan penubuhan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan penyiapan sambungan Sistem Transit Rapid Johor Bahru-Singapura dijangka memudahkan lagi pergerakan orang ramai dan barangan merentas sempadan, yang berpotensi meningkatkan permintaan untuk ruang pejabat di Johor Bahru,” katanya kepada *Bernama* menerusi e-mel pada Khamis.